

Penambahbaikan Prosedur Pemeriksaan Berkala

**Bermula
1 September 2025**

Pelanggan yang dihormati, berikutan arahan daripada **Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)**, penambahbaikan terhadap prosedur Pemeriksaan Berkala akan dilaksanakan secara berperingkat.

Berikut adalah **empat (4) aspek utama** yang terlibat dalam penambahbaikan ini



Aspek utama yang terlibat dalam penambahbaikan ini:

1. Pengujian Kecekapan Sistem Brek

Pemeriksaan menyeluruh terhadap semua komponen sistem brek, termasuk ujian kecekapan brek sepenuhnya akan dilakukan bagi apa-apa jenis kegagalan berkaitan sistem brek. Sekiranya salah satu item pengujian menggunakan peralatan atau pemeriksaan secara visual gagal, semua item berkaitan akan turut diperiksa semula semasa pemeriksaan Berkala Semula.

2. Ujian Brek Kenderaan Treler

Semua gandar bagi semua jenis treler perlu diuji, dan bacaan kecekapan keseluruhan brek turut diambil kira bagi menentukan tahap kecekapan brek.

3. Pemeriksaan Semula Tayar Kenderaan

Sekiranya kenderaan yang hadir untuk pemeriksaan Berkala Semula, semua tayar akan diperiksa semula tanpa mengira punca kegagalan pemeriksaan terdahulu.

Aspek utama yang terlibat dalam penambahbaikan ini:

4. Pemeriksaan Visual Kenderaan

i) Beberapa item pemeriksaan melibatkan komponen yang sebelum ini digugurkan bagi pemeriksaan Berkala, **akan dilaksanakan semula** seperti berikut:

- a. *Axle Shaft Cover/Bolt/Nut*
- b. *Body 'U' Bolt*
- c. *Cross Member*
- d. *Floorboard*
- e. *Driver/ Passenger seat*
- f. *Mixer overflow container*
- g. *Body work/ paint work*
- h. *Door panel*
- i. *Engine – oil leak*

ii) Sekiranya berlaku kegagalan pada mana-mana **item yang berfungsi secara berpasangan dalam satu sistem**, pemeriksaan semula perlu dibuat ke atas semua item yang berkaitan pada pemeriksaan Berkala Semula.

iii) Pemeriksaan terhadap **kebolehfungsian gandar bogie diwajibkan**.